



GAMBARAN artis Sungai Klang yang bakal menjadi tarikan pelancong.

Sungai ikon KL

■ Projek Sungai Nadi Kehidupan transformasi pelancongan ibu negara

Info Sungai Nadi Kehidupan

- Objektif meningkatkan kualiti air dari kelas IV kepada kelas IIB (sesuai untuk rekreasi dan sentuhan badan menjelang 2020) serta menyediakan perlindungan tebatan banjir di kawasan projek RoL.
- Skop kerja pembersihan sungai meliputi sepanjang 110 kilometer (km) lembangan Sungai Klang termasuk Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Bunus, Sungai Ampang dan Sungai Kerayong bagi meningkatkan kualiti air dari kelas IV kepada kelas IIB membabitkan Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Kerja pengindahan sungai sepanjang 10.7 km yang membabitkan koridor Sungai Gombak dan Klang termasuk kawasan Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Masjid Jamek.
- Tanah kerajaan yang berpotensi membangun akan dikenal pasti untuk dibangunkan sektor swasta menerusi persaingan tender terbuka, secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan pelaburan ekonomi.



“Perubahan positif akan lebih cepat jika semua orang berhenti membuang sampah dan menyalurkan sisa atau air kumbahan ke loji rawatan kumbahan”

Mohd Azharuddin Mat Sah

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Air bukan saja menjadi nadi kehidupan untuk keperluan sejagat seperti makan, minum, pertanian dan kegunaan industri, namun pada masa sama, ia juga sebagai tarikan dalam sektor pelancongan, sekali gus mampu menjana sumber pendapatan negara.

Kualiti air sungai yang lebih baik akan meningkatkan nilai estetik kawasan sekeliling dan pemulihan kepentingan kebudayaan serta sejarah akan menambatkan peningkatan aktiviti pelancongan dan menjadi nilai tambah serta peluang perniagaan seperti yang sudah dipraktikkan negara maju termasuk Singapura dan United Kingdom.

Menyedari kepentingan itu, kerajaan menerusi Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang (GKL/KV) giat melaksanakan projek permulaan Sungai Nadi Kehidupan (RoL) yang dimulakan sejak 2011 di bawah naungan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Menurut Pengarah NKEA Greater KL/KV dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pengangkutan Moden Awam, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Mohd Azharuddin Mat Sah, tujuan projek itu adalah untuk mentransformasikan Sungai Klang menjadi sebuah sungai ikon bagi bandar raya Kuala Lumpur yang berdaya maju dan membangun pesat.

Di samping itu, beliau berkata, kawasan tepian sungai berkenaan akan dinaik taraf untuk mewujudkan ruang aktiviti sihat berasaskan sungai seperti tempat beriadah, memancing serta memberikan sentuhan air bersih kepada orang awam.

“Sudah tentu, apabila siap kelak, sungai ini akan menjadi nadi yang memberi peluang kepada orang ramai menikmati pemandangan sungai dan warisan seni bina di antara Sungai Klang dan Gombak iaitu tempat di mana Kuala Lumpur dibangunkan lebih dari 150 tahun lalu.

“Untuk merealisasikan hasrat berkenaan, kerajaan merancang tiga komponen utama dalam program transformasi ini iaitu fasa pertama yang sedang berjalan ialah pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan hartanah di kawasan sekitar sungai dengan membabitkan keseluruhan nilai pelaburan lebih RM4 bilion.

“Sejak tahun 2011, kerajaan menerusi Jabatan Pe-

ngairan dan Saliran (JPS) serta agensi terbabit sudah melaksanakan banyak inisiatif termasuk projek pembersihan sungai di kawasan Selayang, Ampang Jaya dan Kuala Lumpur seperti empat loji rawatan air, 521 perangkap sampah dan 199 perangkap gris dan minyak yang sudah dibangunkan untuk mengurangkan sisa pencemaran di sungai.

“Malah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), juga menerajui kerja pengindahan kawasan pinggir Sungai Klang yang membiayai kos RM1 bilion bermula dengan kerja memulihara warisan di sekitar Masjid Jamek yang akan membawa nafas baru kepada kawasan pinggir Cathedral St Mary, Leboh Pasar Besar, Kompleks Dayabumi, LRT Pasar Seni dan Bangunan Sultan Abdul Samad,” katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, kerja pengindahan sungai membabitkan 11 fasa dijangka siap sepenuhnya menjelang 2018 sebelum kerja pembangunan hartanah yang membabitkan 108 lot tanah milik kerajaan di sekitar kawasan Kuala Lumpur yang berdekatan dengan Sungai Klang.

“Kerajaan akan memulakan proses penjualan tanah dengan memberi keutamaan kepada pemaju yang melakukan inisiatif pembangunan sesuai di sepanjang sungai itu.

“Ia bagi mendapatkan semula RM4.4 bilion yang dilaburkan untuk merealisasikan RoL,” katanya.

Tambah beliau, dijangka kira-kira RM4.3 bilion pendapatan kasar negara dapat dijana dan meningkatkan nilai hartanah di kawasan sekitarnya.

Bagaimanapun, katanya, hasrat berkenaan tidak akan tercapai tanpa kesedaran dan pembabitkan semua pihak tentang penjagaan kebersihan sungai.

“Kita tidak akan dapat sungai yang cantik dan bersih sekiranya hanya kerajaan saja bertindak menjaga kebersihan, justeru, ia memerlukan semua pihak memainkan peranan termasuk masyarakat dan pemain industri.

“Perubahan positif akan lebih cepat berlaku ke atas tahap kualiti air sungai ini sekiranya semua orang berhenti membuang sampah dan menyalurkan sisa atau air kumbahan ke loji rawatan kumbahan.

“Justeru, bagi menjamin pencapaian objektif RoL, program mendekati komuniti untuk memberi kesedaran akan diperluaskan dan penguatkuasaan dipergiatkan kepada mereka yang menyumbang kepada pencemaran,” katanya.